



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENILAIAN PELAKSANAAN KEMAHIRAN
INTERAKSI PERTUTURAN DALAM
KURIKULUM BAHASA MELAYU
SEKOLAH MENENGAH DI
SINGAPURA**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PAIRAH BTE SATARIMAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENILAIAN PELAKSANAAN KEMAHIRAN INTERAKSI PERTUTURAN
DALAM KURIKULUM BAHASA MELAYU
SEKOLAH MENENGAH DI SINGAPURA**

PAIRAH BTE SATARIMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(PENDIDIKAN BAHASA MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 11/03/2025

Perakuan Pelajar:

Saya, PAIRAH BINTE SATARIMAN, P20132002411, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk PENILAIAN PELAKSANAAN KEMAHIRAN INTERAKSI PERTUTURAN DALAM KURIKULUM BAHASA MELAYU SEKOLAH MENENGAH DI SINGAPURA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya PROFESOR MADYA DR. DAHLIA JANAN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENILAIAN PELAKSANAAN KEMAHIRAN INTERAKSI PERTUTURAN DALAM KURIKULUM BAHASA MELAYU SEKOLAH MENENGAH DI SINGAPURA dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN BAHASA MELAYU)

19/03/2025

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN
TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk/Title: PENILAIAN PELAKSANAAN KEMAHIRAN INTERAKSI PERTUTURAN
DALAM KURIKULUM BAHASA MELAYU SEKOLAH MENENGAH DI
SINGAPURA

No. Matrik /*Matric's No.*: P20132002411

Saya/*I*: PAIRAH BTE SATARIMAN membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

SULIT/ CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*


TERHAD/ RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*

TIDAK TERHAD/ OPEN ACCESS

PROF. WADYA DR. DAHLIA JANAH
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
dahlia@fbk.upsi.edu.my


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of
Supervisor) & (Nama & Cop Rasmi /
Name & Official Stamp)

Tarikh: 19/03/2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Syukur Alhamdulillah saya ucapkan kepada Allah yang telah melimpahkan kurnia-Nya kepada saya dengan memberikan saya kesihatan, kekuatan, kesabaran, kesungguhan dan semangat juang sehingga akhirnya saya dapat menyelesaikan tesis ini walaupun banyak rintangan yang saya hadapi semasa menjalankan kajian ini. Terima kasih Allah kerana memakbulkan doa-doa saya dan doa orang-orang yang saya hormati dan sayangi. Melalui kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang terhingga kepada penyelia utama saya, Professor Madya Dr. Dahlia Janan atas bimbingan, tunjuk ajar, nasihat, kata-kata membakar semangat, kesabaran dan doa yang tidak putus-putus sepanjang pengajian saya. Sesungguhnya saya banyak belajar daripada Dr. Dahlia erti jangan putus asa dan erti perjuangan sehingga ke titik penamat melalui proses dan pengalaman saya menjalankan kajian ini di bawah pimpinan dan bimbingan Dr. Dahlia. Terima kasih juga saya ucapkan kepada penyelia kedua saya, Dr. Zulkifli Osman atas nasihat dan bimbingan beliau. Tesis ini tidak akan dapat disiapkan tanpa sokongan moral dan galakan daripada arwah ibu saya, Allahyarhamha Hajjah Bidah Bte Unang yang sentiasa memberikan saya galakan untuk meneruskan usaha dan mendoakan kejayaan saya semasa hayatnya. Terima kasih Mak, semoga Mak tenang berada di sisi-Nya. Terima kasih juga kepada anak-anak tersayang Nuriana, Nur Amanina, Muhammad Nadhir dan Nur Dyna yang menjadi pembakar semangat saya untuk meneruskan perjuangan ini. Begitu juga ucapan terima kasih kepada menantu dan cucu-cucu tersayang, Nawra Zahra dan Nazriel Zayyan yang menjadi sumber inspirasi saya. Kejayaan saya ini merupakan kejayaan mereka juga. Seterusnya saya mengucapkan terima kasih kepada semua pengetua sekolah menengah yang memberikan keizinan untuk saya mengumpulkan data di sekolah-sekolah mereka. Ucapan terima kasih juga kepada guru-guru dan para pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Akhir sekali, saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak UPSI yang memberi saya peluang untuk menjalankan kajian di universiti ini dan rakan-rakan yang telah mendoakan dan menyokong saya secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini sehingga tesis ini dapat diselesaikan.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan yang diberikan penekanan dalam kurikulum Bahasa Melayu di sekolah menengah di Singapura sejak tahun 2011. Kajian ini menggunakan kaedah campuran, iaitu kuantitatif dan kualitatif untuk mengumpulkan data. Model Penilaian CIPP oleh Stufflebeam, D. L. & Shinkfield, A. J. dipilih untuk menilai program ini. Keempat-empat aspek penilaian dalam model ini digunakan dalam penilaian, iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk. Seramai 90 orang guru yang mengajar Bahasa Melayu dan 280 pelajar Menengah 3 yang mengambil Bahasa Melayu Kursus Ekspres dipilih secara rawak daripada 40 buah sekolah daripada empat zon di Singapura: utara, timur, selatan dan barat. Dapatan penilaian konteks menunjukkan bahawa secara keseluruhannya guru-guru menyambut baik pelaksanaan ini dan berpendapat bahawa penekanan terhadap kemahiran interaksi pertuturan dalam kurikulum yang disemak semula tepat pada waktunya. Bagi dapatan penilaian input, para guru dan pelajar memberikan maklum balas tentang beberapa keprihatinan yang berkaitan dengan pelaksanaan kemahiran ini seperti bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran dan masa kurikulum tidak mencukupi, latihan guru dan aktiviti sokongan. Dapatan penilaian proses menunjukkan bahawa guru menggunakan pelbagai strategi, teknik dan bahan bantu mengajar namun guru masih mengalami kesukaran dalam melaksanakan pengajaran disebabkan oleh kekangan masa, kurangnya pengetahuan dan kesedaran guru tentang kemahiran ini, kurangnya sokongan pihak sekolah dan bahan-bahan yang kurang pelbagai dan tidak mencukupi. Dapatan penilaian produk menunjukkan bahawa pelajar-pelajar secara keseluruhannya mengalami kesukaran untuk bertutur secara dua hala. Mereka berasa sukar untuk bertutur dengan lancar, spontan dan yakin. Kesimpulannya, pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan yang dilaksanakan sebenarnya tidak memenuhi hasrat seperti yang diinginkan oleh objektif kurikulum. Implikasinya, semakan kurikulum pada masa depan perlu memberikan perhatian kepada bahan-bahan pengajaran, waktu kurikulum, sokongan pihak sekolah, latihan-latihan guru, bengkel-bengkel untuk pelajar dan aktiviti-aktiviti sokongan supaya pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan dapat dipertingkatkan dan hasrat kurikulum dapat dicapai sepenuhnya.





EVALUATION OF THE IMPLEMENTATION OF SPOKEN INTERACTION SKILLS IN THE MALAY LANGUAGE CURRICULUM FOR SECONDARY SCHOOLS IN SINGAPORE

ABSTRACT

This study aims to evaluate the effectiveness of the implementation of spoken interaction skills that are emphasized in the Malay curriculum in secondary schools in Singapore since 2011. This study uses mixed methods, namely quantitative and qualitative to collect data. The CIPP Evaluation Model by Stufflebeam, D. L. & Shinkfield, A. J. was chosen to evaluate the program. The four aspects of evaluation in this model are used in the evaluation, namely context evaluation, input evaluation, process evaluation and product evaluation. A total of 90 teachers who teach Malay and 280 Secondary 3 students who take Malay Express Course were randomly selected from 40 schools from four zones in Singapore: north, east, south and west. The results of the context evaluation show that overall the teachers welcome this implementation and think that the emphasis on spoken interaction skills in the revised curriculum is timely. For the findings of the input evaluation, the teachers and students gave feedback on some concerns related to the implementation of these skills such as teaching and learning materials and insufficient curriculum time, teacher training and support activities. The results of the process evaluation show that teachers use various strategies, techniques and teaching aids, but teachers still experience difficulties in teaching due to time constraints, lack of knowledge and awareness of teachers about these skills, lack of support from the school and materials that are not diverse and not enough. The results of the product evaluation show that the students as a whole have difficulty speaking in two ways. They find it difficult to speak fluently, spontaneously and confidently. In conclusion, the implementation of spoken interaction skills that are implemented actually do not achieve the aims as required by the curriculum objectives. The implication is that future curriculum revisions need to pay attention to teaching materials, curriculum time, school support, teacher training, workshops for students and support activities so that the implementation of spoken interaction skills can be improved and the curriculum goals can be achieved completely.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	14
1.4 Objektif Kajian	25
1.5 Soalan Kajian	27
1.6 Kepentingan Kajian	28
1.7 Limitasi Kajian	30
1.8 Definisi Operasional Kajian	32

1.9	Rumusan	38
-----	---------	----

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	39
-----	-------------	----

2.2	Perubahan dan Perkembangan Kurikulum	40
-----	--------------------------------------	----

2.3	Penilaian Kurikulum dan Kepentingannya	42
-----	--	----

2.4	Model Penilaian Kurikulum	49
-----	---------------------------	----

2.4.1	Model Penilaian Tyler (1950)	50
-------	------------------------------	----

2.4.2	Model Penilaian Kirkpatrick (1959)	53
-------	------------------------------------	----

2.4.3	Model Penilaian Stake (1967)	56
-------	------------------------------	----

2.4.4	Model Penilaian Illumunitif - Parlett dan Hamilton (1972)	59
-------	---	----

2.4.5	Model Outcome-Based Education (1988)	61
-------	--------------------------------------	----

2.4.6	Model Penilaian Kaufman (1994)	62
-------	--------------------------------	----

2.4.7	Model Penilaian CIPP (1968, 1985, 2003)	66
-------	---	----

2.5	Kerangka Konsep Kajian	91
-----	------------------------	----

2.6	Kemahiran Bertutur	94
-----	--------------------	----

2.7	Kemahiran Interaksi Pertuturan	99
-----	--------------------------------	----

2.8	Kemahiran Bertutur dalam Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Menengah	106
-----	---	-----

2.9	Rumusan	114
-----	---------	-----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	115
-----	------------	-----

3.2	Reka Bentuk Kajian	116
-----	--------------------	-----

3.3	Lokasi Kajian	124
-----	---------------	-----

3.4	Populasi, Sampel dan Kaedah Pensampelan Kajian	125
-----	--	-----

3.5	Instrumen Kajian	137
-----	------------------	-----

3.5.1	Soal Selidik Kajian	138
3.5.1.1	Soal Selidik dan Kelebihannya	138
3.5.1.2	Pembinaan Soal Selidik	141
3.5.1.3	Soal Selidik yang Digunakan dalam Kajian	143
3.5.2	Soal Selidik Kajian Untuk Guru	147
3.5.3	Soal Selidik Kajian Untuk Pelajar	149
3.5.4	Pencerapan Kelas Berstruktur	152
3.5.5	Temu Bual	154
3.5.6	Ujian Pertuturan	158
3.5.7	Analisis Dokumen	162
3.6	Penghuraian Data	163
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	164
3.8	Prosedur Pengumpulan Data Kajian	168
3.8.1	Pengumpulan Data Soal Selidik A, Soal Selidik B dan Ujian Pertuturan	170
3.8.2	Pengumpulan Data Pencerapan Kelas Berstruktur dan Temu Bual	171
3.9	Rumusan	172

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	174
4.2	Data Kuantitatif dan Data Kualitatif	175
4.3	Analisis Data	179
4.3.1	Analisis Data Penilaian Konteks (Guru)	180
4.3.2	Analisis Data Penilaian Konteks (Pelajar)	187
4.3.3	Analisis Data Penilaian Input (Guru)	194

4.3.4	Analisis Data Penilaian Input (Pelajar)	205
4.3.5	Analisis Data Penilaian Proses (Guru)	211
4.3.6	Analisis Data Penilaian Proses (Pelajar)	225
4.3.7	Analisis Data Penilaian Produk (Pelajar)	234
4.4	Rumusan	242
BAB 5	RINGKASAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	245
5.2	Ringkasan Kajian	246
5.2.1	Ringkasan Penilaian Konteks (Guru dan Pelajar)	246
5.2.2	Ringkasan Penilaian Input (Guru dan Pelajar)	250
5.2.3	Ringkasan Penilaian Proses (Guru dan Pelajar)	254
5.2.4	Ringkasan Penilaian Produk (Pelajar)	259
5.3	Perbincangan Kajian	261
5.3.1	Perbincangan Penilaian Konteks (Guru dan Pelajar)	262
5.3.2	Perbincangan Penilaian Input (Guru dan Pelajar)	277
5.3.3	Perbincangan Penilaian Proses (Guru dan Pelajar)	287
5.3.4	Perbincangan Penilaian Produk (Pelajar)	297
5.4	Kesimpulan Kajian Terhadap Penilaian Pelaksanaan Kemahiran Interaksi Pertuturan.	299
5.5	Sumbangan Kajian kepada Kurikulum Kemahiran Interaksi Pertuturan	305
5.6	Implikasi Kajian	308
5.6.1	Implikasi kepada Pembina Kurikulum dan Bahan Pengajaran Bahasa Melayu	309
5.6.2	Implikasi kepada Pelaksanaan Kurikulum dan Latihan Guru	310

5.6.3	Implikasi kepada Guru-guru Bahasa Melayu	312
5.6.4	Implikasi kepada NIE	313
5.6.5	Implikasi kepada SEAB	314
5.6.6	Implikasi kepada MLCS	315
5.6.7	Implikasi kepada Organisasi yang Berkepentingan dalam Bahasa Melayu	315
5.6.8	Implikasi kepada Teori dan Kajian	316
5.7	Cadangan Kajian Lanjut	317
5.8	Rumusan	319
	RUJUKAN	321
	LAMPIRAN	367

SENARAI JADUAL

No Jadual		Muka Surat
2.1	Empat Tahap dan Penerangan dalam Model Penilaian Kirkpatrick	54
2.2	Lima Tahap Model Kaufman	63
2.3	Kekuatan dan Kelebihan Model Penilaian	84
2.4	Pemberatan Kemahiran dalam Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Menengah	110
3.1	Taburan Sampel Reponden Pelajar Mengikut Zon	129
3.2	Maklumat Demografi Responden Pelajar	130
3.3	Interpretasi Skor Min Skala Likert Empat Mata	132
3.4	Analisis Pertuturan Responden dengan Menggunakan Bahasa Melayu	132
3.5	Taburan Sampel Guru Mengikut Zon	134
3.6	Maklumat Demografi Responden Guru	135
3.7	Maklumat Responden Guru dalam Temu Bual dan Pencerapan Kelas Berstruktur	137
3.8	Skala Likert Lima Mata dan Interpretasi dalam Komponen Penilaian CIPP	143

3.9	Fokus Soalan Kajian dan Pembahagian Instrumen kepada Responden	146
3.10	Komponen Penilaian CIPP dan Bilangan Item dalam Soal Selidik A.	148
3.11	Komponen dan Bilangan Item dalam Soal Selidik B.	151
3.12	Perkara yang Dinilai dalam Ujian Pertuturan (Penilaian Produk) Adaptasi daripada SEAB, (2014)	161
3.13	Penghuraian Data bagi Tahap Penilaian Nilai Min untuk Skala Likert 5 Mata.	163
3.14	Penghuraian Data bagi Tahap Penilaian Nilai Min untuk Skala Likert 4 Mata.	164
3.15	Senarai Nama Panel Pakar Rujuk	167
4.1	Analisis Penilaian Konteks Tentang Kerelevanan Pelaksanaan Kemahiran Interaksi Pertuturan	181
4.2	Analisis Penilaian Konteks Tentang Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Kemahiran Interaksi Pertuturan	182
4.3	Analisis Penilaian Konteks Tentang Penilaian Kendiri Guru	183
4.4	Analisis Penilaian Konteks Respons Pelajar	188
4.5	Analisis Penilaian Input Tentang Masa Kurikulum, Persekitaran dan Latihan Guru	195
4.6	Analisis Penilaian Input Tentang Bahan dan Aktiviti Pengajaran	197
4.7	Jenis dan Jumlah Bahan-bahan/Aktiviti (Bercetak)	203
4.8	Analisis Penilaian Input Tentang Masa Kurikulum	207

4.9	Analisis Penilaian Input Tentang Bahan dan Aktiviti	207
4.10	Analisis Penilaian Input Tentang Bahan Bantu Mengajar	208
4.11	Analisis Penilaian Proses Tentang Strategi dan Teknik	213
4.12	Analisis Penilaian Proses Tentang Penglibatan Pelajar, Penggunaan Pelbagai Aktivi dan Pelbagai BBM	214
4.13	Analisis Penilaian Proses Tentang Penekanan dalam Pengajaran Kemahiran Interaksi Pertuturan dan Keupayaan Mengajar Guru	215
4.14	Analisis Penilaian Proses Tentang Penilaian Pencapaian Pelajar	216
4.15	Analisis Data Penilaian Tentang Strategi dan Teknik Pengajaran	227
4.16	Analisis Data Tentang Pengajaran Dalam Kelas dan Aktiviti Bahasa	227
4.17	Analisis Data Tentang Penilaian Pencapaian Pelajar	229
4.18	Fokus dan Item dalam Alat Penilaian Ujian Pertuturan Adaptasi daripada SEAB (2014)	236
4.19	Pencapaian Pelajar dalam Ujian Pertuturan	237
5.1	Saranan-saranan Guru untuk Mengatasi atau Mengurangkan Masalah dalam Pengajaran Kemahiran Interaksi Pertuturan.	256

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
1.1	Rangka Kerja Kecekapan Abad ke-21	5
1.2	Visi Arif Budiman- Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu	7
1.3	Bahasa Yang Paling Kerap Digunakan di Rumah (Melayu)	17
2.1	Empat Tahap Penilaian Adaptasi daripada Kirkpatrick 1959	53
2.2	Tiga Peringkat dalam Model Illuminitif	60
2.3	Komponern Model CIPP Stufflebeam (2003).	68
2.4	Kerangka Konsep Kajian Berdasarkan Model Penilaian CIPP	92
2.5	Penilaian yang Disarankan dalam Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Menengah Di Singapura	113
3.1	Reka Bentuk Concurrent Triangulation).	123
3.2	Taburan Jumlah Sekolah Menengah Sebagai Lokasi Kajian.	125
3.3	Peratusan Pelajar Berdasarkan Jantina	131
3.4	Jumlah Responden Kajian Berdasarkan Bangsa.	131
3.5	Proses Sesi Temu Bual Yang Dijalankan	158

3.6	Proses Pengumpulan Data Adaptasi daripada Creswell (1998)	170
4.1	Elemen Penilaian Konteks (Guru)	181
4.2	Item Penilaian Konteks Respons Pelajar	188
4.3	Sebab-sesab Kemahiran Interaksi Pertuturan Penting.	192
4.4	Sebab Kurangnya Keupayaan Pelajar Bertutur dengan Lancar dan Spontan	193
4.5	Item Analisis Penilaian Input Respons Guru	195
4.6	Keprihatinan Guru dalam Pelaksanaan	202
4.7	Elemen Analisis Penilaian Input (Pelajar)	206
4.8	Masa Pengajaran dan Aktiviti Pembelajaran Kemahiran Interaksi Petuturan	210
4.9	Elemen bagi Analisis Penilaian Proses (Guru)	212
4.10	Faktor-Faktor Yang Menyumbang Kepada Masalah Dalam Pengajaran	222
4.11	Item Dalam Penilaian Proses (Pelajar)	226
4.12	Sebab-sebab Pelajar Kurang Lancar dan Spontan Dalam Pertuturan	241
5.1	Saranan Pembaikan Yang diutarakan Pelajar	259
5.2	Peratusan Murid Darjah 1 yang Menggunakan Bahasa Inggeris di Rumah.	269

SENARAI SINGKATAN

ASCD	Association for Supervision and Curriculum Development
BAK	Bahasa Arab Komunikasi
BAK	Bahasa Arab Kebangsaan
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BEEd	Sarjana Muda Pendidikan
BI	Bahasa Ibunda
BM	Bahasa Melayu
CASES	Administration of Special Education Services
CIPP	Context, Input, Process, Product
ESU	Educational Service Unit
GCE	General Certificate of Education
ICT	Information and Communications Technology
IPA	Inovasi Pendidikan
IPG	Institut Pendidikan Guru
KGMS	Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura
MBS	Majlis Bahasa Melayu Singapura
METs	Mechanical Engineering Trades
MLCS	Malay Language Centre Singapore
MOE	Ministry of Education
MPSS	Model Pengayaan Seluruh Sekolah
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara



NIE	National Institute of Education
PCK	Pedagogical Curriculum Knowledge
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PGBM	Persatuan Guru-guru Bahasa Melayu
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PJK	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
PSLE	Primary School Leaving Examination
SEAB	Singapore Examination and Assessment Board
SLS	Student Learning Space
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SP	Sisihan Piawai
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Izin Daripada Kementerian Pendidikan Singapura Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah Menengah
- B Soal Selidik A
- C Soal Selidik B
- D Pencerapan Kelas Berstruktur
- E Deskriptor Ujian Pertuturan (Interaksi Pertuturan)
- F Soalan Bagi Sesi Temu Bual (Guru)
- G Soalan Bagi Sesi Temu Bual (Pelajar)
- H Senarai Semak
- I Contoh Transkripsi Temu bual dengan Guru
- J Contoh Transkripsi Temu bual dengan Pelajar
- K Contoh 1: Aktiviti Perbincangan bagi Kemahiran Interaksi Pertuturan

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kedudukan Bahasa Melayu (BM) dalam sistem pendidikan di Singapura menjadi penting setelah sistem pendidikan di Singapura memperkenalkan dasar dwibahasa. BM diangkat sebagai bahasa rasmi berstatus bahasa ibunda setaraf dengan bahasa ibunda yang lain, iaitu Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil. Setiap pelajar dimestikan untuk mempelajari bahasa ibunda dan Bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris menjadi bahasa pertama, manakala bahasa ibunda menjadi bahasa kedua. Bahasa Inggeris menjadi bahasa perantaraan dalam pengajaran dan pembelajaran subjek-subjek di sekolah kecuali bahasa ibunda dan pendidikan moral. Bahasa Inggeris juga memainkan peranan penting dalam bidang ekonomi, komunikasi global dan pemerolehan ilmu pengetahuan. BM dan bahasa ibunda yang lain menjadi wahana untuk penyaluran nilai murni dan pengekalan warisan dan budaya.

Melalui sistem pendidikan yang ada, setiap pelajar diharap dapat menguasai kemahiran-kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Biasanya pelajar akan menguasai kemahiran mendengar dan bertutur terlebih



dahulu, kemudian kemahiran membaca dan menulis. Menurut Machado (2016) kebolehan berbahasa yang mula-mula dikuasai oleh pelajar ialah kemahiran mendengar dan bertutur yang kemudian berkembang menjadi kemahiran berbahasa yang lengkap. Untuk membina keupayaan dalam komunikasi, keempat-empat kemahiran ini diperlukan. Kemahiran mendengar dan membaca merupakan kemahiran reseptif, manakala kemahiran bertutur dan menulis ialah kemahiran produktif. Antara kemahiran ini, kemahiran bertutur merupakan kemahiran yang amat penting dalam proses komunikasi dan interaksi. Penguasaan dalam kemahiran bertutur merupakan asas penting kepada pemerolehan kemahiran bahasa yang lain. Penguasaan kemahiran ini membolehkan pelajar membina kosa kata dan memahami serta menguasai tatabahasa. Seseorang perlu memahami istilah-istilah yang digunakan dalam bahasa sasaran untuk menguasai kemahiran membaca dan menulis (Jalongo, 2011; Machado, 2016). Oleh yang demikian, kemahiran bertutur merupakan komunikasi bahasa yang amat penting untuk dipelajari dan dikuasai oleh setiap pelajar.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, matlamat ini agak sukar direalisasikan. Data Kementerian Pendidikan (MOE) menunjukkan bahawa profil pelajar Melayu pada hari ini semakin hari semakin berubah dan lebih cenderung kepada Bahasa Inggeris (MOE, 2010). Dengan kecenderungan terhadap penggunaan Bahasa Inggeris ini, tugas guru untuk mengajar BM menjadi lebih sukar dan mencabar. Pelajar-pelajar lebih kerap menggunakan Bahasa Inggeris di rumah dengan kawan-kawan dan dalam aktiviti harian mereka. Kecenderungan ini boleh menjejaskan pemerolehan bahasa pelajar dalam jangka panjang. Oleh itu, perlu ada tindakan segera untuk meneliti pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran BM di peringkat sekolah dan menilai sama





ada strategi, teknik, latihan guru dan bahan-bahan pengajaran yang disediakan sesuai dan menyokong objektif pengajaran dan pembelajaran yang diinginkan.

Bab ini membincangkan secara keseluruhan beberapa perkara yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Perbincangan merangkumi latar belakang tentang sistem pendidikan di Singapura, termasuk dasar dwibahasa, visi Arif Budiman, semakan kurikulum dan hasil semakan ini. Selain itu, bab ini mengemukakan objektif kajian, pernyataan masalah dan soalan kajian. Akhir bab pula membincangkan kepentingan dan batasan kajian serta definisi operational istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian



Sejak tahun 1966, Singapura mengamalkan dasar pendidikan dwibahasa. Dasar ini menjadi teras sistem pendidikan di Singapura. Melalui dasar ini Bahasa Melayu (BM) disahkan sebagai salah satu mata pelajaran bahasa ibunda yang wajib dalam kurikulum sekolah di negara ini. Dasar dwibahasa ini memerlukan semua pelajar mempelajari dua bahasa. Bahasa Inggeris dipelajari bagi tujuan administrasi, ekonomi, sains dan teknologi, sementara bahasa ibunda (Melayu, Cina dan Tamil) bagi pemupukan nilai-nilai murni dan pegekalan warisan dan budaya. Bahasa Inggeris juga bertindak sebagai bahasa umum yang digunakan dalam alam pekerjaan bagi semua bangsa di Singapura. Dari sudut ekonomi, dasar dwibahasa ini telah membina persekitaran yang kondusif untuk perniagaan di peringkat antarabangsa. Pembelajaran bahasa ibunda pula telah menyediakan hubungan bagi warisan setiap kaum. Secara keseluruhan, pembelajaran Bahasa Inggeris dan bahasa ibunda pelbagai kaum telah menjadikan Singapura sebagai





sebuah kota kosmopolitan yang mengamalkan kepelbagaian dalam bahasa dan budaya serta berupaya untuk menarik minat penduduk dari timur dan barat (MOE, 2010, ms.10).

Sebagai sebuah negara kecil yang penduduknya terdiri daripada berbilang bangsa dan mengamalkan pelbagai budaya dan agama, Singapura memerlukan satu dasar bahasa yang berupaya untuk mengintegrasikan masyarakat majmuk di Singapura dan membina wahana untuk berkomunikasi dengan dunia luar (Lee, 2011). Bahasa Inggeris dipilih sebagai wahana bagi penyatuan masyarakat majmuk di Singapura memandangkan bahasa Inggeris merupakan bahasa global dan bahasa utama dunia. Selain menjadi bahasa kebangsaan, BM juga berperanan sebagai bahasa penting bagi penyaluran idea, pemikiran dan budaya serta penjalin ikatan masyarakat sepanjang zaman. Oleh yang demikian, kesinambungan penggunaan BM penting bagi membina dan mengekalkan jati diri masyarakat. Di samping itu, penguasaan BM juga membolehkan warga Singapura merebut peluang di rantau yang berkembang pesat dan menjalin hubungan khususnya dengan warga lain di rantau ini. Oleh itu, setiap pelajar perlu mempelajari dan menguasai Bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama dan bahasa ibunda (Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil) mengikut etnik masing-masing.

Pemerintah Singapura mahu menjadikan bahasa ibunda sebagai bahasa yang hidup, bukan hanya sekadar digunakan untuk lulus peperiksaan dan penempatan ke peringkat pembelajaran seterusnya sahaja tetapi dipraktikkan secara terus-menerus dalam kehidupan seharian. Setiap pelajar yang melalui pendidikan formal harus mempunyai kecekapan untuk berkomunikasi dengan berkesan dalam bahasa ibunda,



bertutur dengan lancar dan spontan dalam Bahasa Inggeris dan bahasa ibunda, memahami dan menghayati warisan mereka serta menyemai rasa cinta terhadap bahasa ibunda masing-masing (MOE, 2010).

Untuk membolehkan pelajar bersaing dan tetap relevan, mereka perlu dipersiapkan agar berupaya mengharungi kehidupan dan cabaran abad ke-21. Pelajar perlu dilengkapi dengan kemahiran dan kecekapan abad ke-21 seperti kemahiran informasi, kolaborasi dan komunikasi, boleh berfikir secara kritis dan inventif, serta mempunyai pemahaman literasi sivik, global dan rentas budaya. Kemahiran-kemahiran tersebut dapat membantu pelajar menjadi individu yang mempunyai arah sendiri, keyakinan, seorang yang prihatin dan penyumbang yang aktif. Pelajar akan mempunyai daya saing yang tinggi dan akan lebih bersedia dan dapat menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan yang pesat berlaku (MOE, 2014). Kemahiran-kemahiran ini terangkum dalam rangka kerja kecekapan abad ke-21 dalam Rajah 1.1.

Rajah 1.1

Rangka Kerja Kecekapan Abad ke-21



Sumber: MOE, 2014



Sejajar dengan evolusi dan perubahan dalam pendidikan Singapura, BM dalam pendidikan di Singapura mengalami banyak perkembangan dan semakin sejak Singapura menjadi negara berpemerintahan sendiri. Beberapa semakan ke atas kurikulum BM telah dilakukan untuk memastikan kurikulum kekal relevan. Satu semakan kurikulum dilakukan pada tahun 2004-2005. Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu telah ditubuhkan untuk menyemak semula kurikulum Bahasa Melayu yang ada. Jawatankuasa Semakan tersebut telah mengadakan 15 perbincangan fokus dan sesi dialog bersama pihak-pihak berkepentingan, melawat enam buah sekolah dan lawatan sambil belajar ke Malaysia. Tinjauan yang dijalankan oleh pihak MOE melibatkan lebih daripada 7,500 orang responden yang meliputi ibu bapa, guru dan pelajar daripada 68 buah sekolah.



konsisten bagi pelajar BM daripada keluarga yang kerap menggunakan BM sahaja di rumah. Kadar murid BM dalam Darjah 1 yang menggunakan BM sebagai bahasa utama di rumah mereka telah merosot dari 84 peratus pada tahun 1996 kepada 71 peratus pada tahun 2005. Meskipun terdapat anjakan generasi dalam penggunaan bahasa di rumah, kebanyakan murid BM masih bersikap positif akan pembelajaran BM. Lebih 90 peratus murid di Darjah 6 suka mempelajari subjek BM, walaupun peratusannya merosot ke paras 88 peratus dalam kalangan pelajar menengah 4 (MOE, 2005).

Berdasarkan fakta ini, harapan Jawatankuasa Semakan ini bukan sekadar memastikan bahawa bahasa dan budaya Melayu dikekalkan, malah untuk mengembang dan memperkukuh bahasa dan budaya Melayu. Memelihara bahasa juga penting bagi jati diri berbilang kaum dan melengkapkan warga Singapura untuk merebut peluang di



rantau yang berkembang pesat. Usaha ini diharap dapat memberikan sumbangan berkesan kepada keunggulan dan jati diri Singapura sebagai sebuah masyarakat Asia.


Dalam saranannya, Jawatankuasa Semakan ini menampilkan wawasan bagi pengajaran dan pembelajaran BM. Visi **Arif Budiman**, iaitu **insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat** menjadi panduan dalam usaha memenuhi hasrat negara untuk menjadikan pendidikan di Singapura, khususnya pengajaran dan pembelajaran BM, sentiasa relevan dalam era globalisasi. Rajah 2.2 yang berikut ialah inti pati Visi Arif Budiman yang terkandung dalam model kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran BM.

Rajah 1.2

Visi Arif Budiman- Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

ARIF BUDIMAN

Insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat



(Sumber: MOE, 2011)

Visi yang dicadangkan ini selaras dengan misi dan hasil pendidikan yang diingini MOE. Tujuan visi ini adalah bagi guru menyerlahkan suasana intelektual dalam mengupas bahasa dan budaya Melayu, dan pembaharuan berterusan, dalam konteks



berbilang kaum Singapura. Bagi pelajar lebih matang di peringkat prauniversiti, tujuannya adalah untuk menggalakkan mereka memberikan sumbangan kreatif kepada bahasa dan budaya Melayu, siap siaga menghadapi cabaran dan merebut peluang dalam dunia yang pesat berubah. Kesimpulannya, visi Arif Budiman menyeru setiap pelajar BM agar terus bersikap ingin tahu, menjadi insan yang berilmu dan memiliki nilai untuk memberikan sumbangan kepada Singapura. Dengan ini diharap agar pelajar BM dapat lebih memahami diri, cita-cita dan potensi mereka sendiri untuk berbakti kepada masyarakat dan negara. Setelah beberapa tahun saranan-saranan semakan 2005 yang dikemukakan termasuk Visi Arif Budiman, para guru dan ibu bapa yang terlibat dalam perbincangan bersetuju bahawa semakan yang dijalankan menuju ke arah yang betul dan sudah membuahkan hasil. Dapatan menunjukkan lebih ramai pelajar yang masih berminat untuk mempelajari BM (MOE, 2010).



Di samping visi Arif Budiman, Jawatankuasa Semakan ini menyarankan beberapa perubahan utama demi mencapai matlamat-matlamat mengembangkan semangat untuk kecemerlangan dan kefasihan dalam bahasa. Antara perkara yang disarankan ialah pengembangan kemahiran mendengar dan bertutur pelajar yang perlu dipertingkatkan. Kemahiran mendengar dan bertutur penting agar dapat menyokong kemahiran membaca dan menulis. Apabila pelajar mempunyai asas yang kukuh dalam kemahiran mendengar dan bertutur, mereka dapat memperkaya kosa kata, memahami pola dan struktur bahasa untuk mencernakan kemahiran menulis. Jawatankuasa Semakan menyarankan agar pendekatan kontekstual digunakan dalam mengembangkan kemahiran bertutur seperti memberi peluang kepada pelajar untuk bertutur dengan lancar menggunakan laras bahasa yang sesuai. Pelajar harus diajarkan





penggunaan laras bahasa yang sesuai dalam suasana yang berbeza, di dalam dan di luar rumah.

Pada bulan Januari 2010 pula, Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda yang diterajui oleh Pengarah Agung Pendidikan dibentuk untuk menyemak dan menilai perkembangan penggunaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar ini dan kesannya terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda di Singapura. Tujuannya adalah untuk menyarankan strategi yang sesuai bagi pengajaran, pembelajaran dan penilaian bahasa ibunda dalam konteks Singapura yang unik untuk mempromosikan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa yang hidup dalam kalangan pelajar-pelajar.

Jawatankuasa Semakan berusaha untuk mendapatkan penerangan tentang kadar penggunaan Bahasa Inggeris dan bahasa ibunda yang berbeza-beza di rumah bagi masyarakat yang mempunyai latar yang berlainan di Singapura. Hal ini diyakini boleh memberikan kesan terhadap persekitaran pertuturan dan pembelajaran Bahasa Ibunda bagi para pelajar. Jawatankuasa Semakan ini juga cuba menilai kesan kurikulum baharu dan pendekatan pengajaran yang diperkenalkan selepas semakan Bahasa Ibunda pada 2004-2005. Untuk tujuan semakan pada tahun 2010, MOE telah menjalankan satu tinjauan yang melibatkan 3,799 orang guru, 9,543 orang pelajar dan 8,815 orang ibu bapa. Jawatankuasa Semakan ini juga mengadakan 19 perbincangan kumpulan fokus dengan 229 orang pendidik (pengetua sekolah, ketua jabatan dan para guru), 85 orang ibu bapa dan 21 orang pemimpin masyarakat (MOE, 2010).





Maklumat yang dikumpulkan daripada rekod pengurusan MOE, tinjauan dan perbincangan kumpulan fokus mengesahkan bahawa terdapat perubahan dan kepelbagaian persekitaran bahasa yang digunakan di rumah di Singapura.

Hasil Laporan Pemantauan dan Perbincangan (MOE, 2010):

1. Trend yang menunjukkan bahawa Bahasa Inggeris menjadi bahasa dominan yang digunakan di rumah dalam jangka panjang dipaparkan dalam data tahunan kemasukan murid-murid Darjah 1 sepanjang 20 tahun yang lalu. Trend yang meningkat ini berlaku dalam semua masyarakat tetapi pada kadar yang berlainan. Bagi pelajar Melayu, peningkatannya daripada 13 peratus kepada 37 peratus sepanjang masa yang sama.



2. Tinjauan ini juga mendedahkan gambaran yang lebih kompleks tentang persekitaran bahasa di rumah. Bagi pelajar-pelajar Melayu, penggunaan bahasa Melayu di rumah masih dominan, iaitu 50 peratus. Sebanyak 33 peratus pelajar menggunakan kedua-dua Bahasa Inggeris dan BM dan selebihnya sebanyak 17 peratus menggunakan Bahasa Inggeris sahaja.

Seterusnya, hasil laporan menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan di rumah didapati berupaya mempengaruhi sikap dan kefasihan pelajar dalam bahasa ibunda. Pelajar yang datang dari rumah yang menggunakan Bahasa Inggeris kurang gemar belajar bahasa ibunda. Walau bagaimanapun, minat untuk mempelajari bahasa ibunda pada umumnya tinggi. Pelajar BM mengatakan bahawa pelajaran yang menyeronokkan menjadi sebab utama mereka minat belajar BM. BM juga disifatkan





sebagai subjek penting oleh para guru, ibu bapa dan pelajar untuk mengajarkan budaya dan nilai.

Berdasarkan perbincangan dengan para pakar dan pendidik yang mempunyai pengalaman luas mengajar dalam persekitaran yang menggunakan bahasa campuran dan pelbagai bahasa, Jawatankuasa Semakan mendapati bahawa pembelajaran akan lebih efektif apabila para pelajar diajar menggunakan bahasa **secara aktif dan interaktif** dalam pelbagai latar kehidupan sebenar termasuklah menggunakan bahasa untuk mempelajari budaya bahasa tersebut. Hal ini berlaku sama ada pelajar tersebut berada dalam persekitaran yang menggunakan bahasa ibunda atau pelbagai bahasa.

3. Pelbagai sistem telah membentuk kurikulum, pengajaran dan kaedah ujian mereka berdasarkan prinsip ini. Pengajaran dan pembelajaran bahasa memberikan tumpuan yang besar terhadap pengaplikasian bahasa dalam situasi kehidupan sebenar. Secara umum, para pelajar diberi peluang menggunakan bahasa dalam tiga cara berkomunikasi: mentafsir, berhubung dengan orang lain (interpersonal) dan melakukan persembahan atau penyampaian.

Matlamat pendidikan bahasa ibunda masih kekal untuk menyokong dan membolehkan setiap pelajar belajar bahasa ibunda setinggi yang mungkin mengikut kemampuannya. Jawatankuasa mengakui bahawa sekolah-sekolah menghadapi persekitaran pengajaran yang mencabar dalam pengajaran bahasa ibunda kerana para pelajar datang dari keluarga dengan pelbagai bentuk penggunaan bahasa.





Jawatankuasa Semakan telah mengenal pasti beberapa saranan utama untuk mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda antaranya adalah ***memperkukuh kemahiran interaksi pertuturan pelajar***. Lebih banyak aktiviti dan tugas bahasa disediakan di dalam kelas bagi pelajar-pelajar mengaplikasikan dan membina kemahiran berkomunikasi mereka. Dalam komunikasi kehidupan sebenar, kebanyakan penggunaan bahasa berbentuk interaktif, memerlukan kombinasi kemahiran menerima (mendengar dan membaca-reseptif) dan kemahiran menghasilkan (produktif). Kebanyakan situasi kehidupan sebenar memerlukan interaktif dua hala secara spontan (seperti mendengar dan memberikan respons secara lisan semasa perbualan atau membaca dan memberikan respons secara bertulis dalam sebuah e-mel, blog dan forum). Semakan kurikulum pada tahun 2010 bertujuan untuk membentuk kurikulum Bahasa Melayu bagi membina pengguna cekap yang boleh berkomunikasi dengan efektif menggunakan bahasa dalam konteks kehidupan sebenar. Pembentukan kurikulum BM hasil daripada semakan ini memberikan penekanan pada kemahiran interaksi pertuturan dan kemahiran interaksi penulisan di samping kemahiran asas bahasa, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Oleh itu, pembelajaran BM diharap berupaya untuk menggalakkan pelajar mengaplikasikan dan menggunakan bahasa yang dipelajari dalam konteks kehidupan sebenar (MOE, 2010).

Perlunya kemahiran ini dalam komunikasi diakui oleh ramai ahli bahasa yang merumuskan bahawa kemahiran berkomunikasi menjadi matlamat utama seseorang itu menggunakan bahasa. Kebolehan dan kecekapan berbahasa seseorang biasanya dinilai dari segi kelancarannya menggunakan bahasa sasaran dalam pertuturannya. Selain menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa sasaran dengan baik, seseorang itu perlu mempunyai kebolehan bertutur dengan cekap





kerana kebolehan ini memberikan nilai tambah kepada seseorang pengguna bahasa. Ketika dalam perbualan, pengguna tersebut berupaya meluahkan perasaan, menyatakan keinginannya, berbincang, bercerita, memberikan pesanan dan arahan, memberikan pandangan, pendapat dan berkongsi idea secara bersemuka (Efrizal, 2012; Gilakjani, 2016). Oleh itu, kemahiran bertutur merupakan kemahiran bahasa yang amat penting untuk dipelajari dan dikuasai.

Bagi melahirkan penutur yang aktif dan cekap berkomunikasi, seseorang individu perlu diajar dan dilatih untuk menguasai dan bertutur dalam bahasa sasaran dengan betul (Kosar & Bedir, 2014). Dengan yang demikian, pihak sekolah dan guru perlu berusaha untuk meningkatkan minat para pelajar dengan mewujudkan persekitaran kondusif dan menyeronokkan serta menggunakan pendekatan pengajaran yang berkesan agar para pelajar terangsang untuk mempelajari BM. Hal ini kerana persekitaran yang menyeronokkan boleh meningkatkan motivasi pelajar untuk mempelajari sesuatu bahasa (Nunan, 2010). Menurut Nunan lagi, pelajar dapat dibantu menguasai sesuatu bahasa dengan memberikan peluang kepada mereka untuk menggunakan bahasa sasaran dalam suasana yang autentik.

Pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan mendapat tumpuan dan penekanan yang lebih tinggi dalam semakan kurikulum BM sekolah menengah di Singapura kali ini. Pengajaran dan pembelajaran kemahiran interaksi pertuturan telah dilaksanakan pada tahun 2011 dan sukatan pelajaran baharu, buku teks, buku aktiviti dan bahan-bahan sokongan disediakan bagi menyokong pelaksanaannya. Namun, setelah dilaksanakan di sekolah-sekolah sejak tahun 2011, belum pernah dijalankan sebarang kajian yang menyeluruh untuk menilai pelaksanaan kemahiran interaksi ini. Oleh itu,





kajian ini berhasrat untuk melakukan penilaian terhadap pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan. Kajian ini dijalankan untuk menilai pelaksanaan kemahiran ini bagi mengukur keberkesanan pelaksanaannya, mengetahui keprihatinan para guru yang mengajar dan tahap pencapaian objektif pelaksanaannya dan hasil yang diinginkan. Maklumat yang diperoleh boleh dijadikan panduan untuk memperbaiki semua aspek yang berkaitan dengan pelaksanaan kemahiran ini. Beberapa pembaikan boleh disarankan kepada pihak penggubal dan pembina kurikulum dan bahan pengajaran bagi mempertingkatkan usaha dan keupayaan setiap yang terlibat dalam melaksanakan kemahiran interaksi pertuturan di sekolah-sekolah. Yang demikian, penilaian kurikulum, khususnya aspek kemahiran interaksi pertuturan yang menjadi tumpuan dalam kajian ini amat penting dan perlu dilakukan.



1.3 Pernyataan Masalah

Dasar pendidikan dwibahasa memerlukan setiap pelajar belajar dan berupaya menggunakan Bahasa Inggeris dan bahasa ibunda dengan baik. Ini ialah ciri yang terpenting dalam sistem pendidikan Singapura. Setiap pelajar harus belajar Bahasa Inggeris supaya dia terdedah dan dapat menguasai pengetahuan, teknologi dan kemahiran serta bersaing dalam arus dunia moden. Mereka juga harus tahu bahasa ibunda agar membolehkan mereka memahami jati diri (Meylinah, 2014). Menurut Gopinathan (1998), antara lain dasar ini diamalkan adalah untuk menggalakkan penggunaan bahasa ibunda bagi memastikan bahawa pengetahuan tentang pengenalan dengan budaya tradisional dan nilainya akan menghalang penyahbudayaan dan pengasingan. Selain itu, dasar ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa neutral untuk membolehkan semua kaum bersaing secara sama





rata, memberi peluang kepada rakyat Singapura menggunakan dan mendapat manfaat daripada status bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa dan sebagai bahasa komunikasi moden, sains dan teknologi (Gopinathan, 1998). Menurut Lee Kuan Yew (2012), bahasa Inggeris dipilih oleh pemerintah Parti Tindakan Rakyat (PAP) sebagai bahasa kerja Singapura memandangkan kepentingannya sebagai bahasa perniagaan antarabangsa, diplomasi dan teknologi. Pengetahuan umum bahasa Inggeris juga akan mengikat kumpulan etnik yang berbeza dengan membolehkan mereka berkomunikasi antara satu sama lain. Selain bahasa Inggeris, Lee dengan tegas percaya bahawa mengetahui bahasa ibunda seseorang adalah perlu kerana ia menyediakan akses kepada warisan budaya seseorang, dengan sekaligus mengukuhkan nilai dan semangat kekitaan budaya seseorang (Lee, 2012).



Mandarin dan Tamil sebagai bahasa rasmi berstatus bahasa ibunda, manakala Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar bagi kesemua subjek di sekolah-sekolah kecuali bahasa ibunda dan pendidikan moral. Bahasa Inggeris juga diiktiraf sebagai alat untuk menyatupadukan rakyat Singapura yang terdiri daripada masyarakat majmuk. Oleh yang demikian, Bahasa Inggeris dipilih sebagai alat yang penting untuk mengintergrasikan masyarakat majmuk di Singapura manakala bahasa ibunda pula digunakan sebagai bahasa untuk mempelajari budaya dan warisan. Oleh itu, setiap pelajar perlu mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama dan BM, Bahasa Mandarin, atau Tamil sebagai bahasa ibunda.

Setelah beberapa dekad dilaksanakan, dasar dwibahasa ini berupaya untuk memberikan kesan terhadap pembangunan Singapura. Malahan Singapura merupakan





salah sebuah negara yang berjaya melaksanakan dasar dwibahasa ini dalam sistem pendidikannya. Namun, pelaksanaan dasar ini memberikan kesan negatif terhadap keupayaan, penguasaan dan penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan masyarakat. Semakin ramai rakyat Singapura khususnya para pelajar yang menghadapi kesukaran untuk bertutur dengan fasih dalam bahasa ibunda. Dalam konteks masyarakat Melayu, para pelajar mempunyai masalah untuk bertutur terutamanya bertutur secara dua hala. Mereka sukar bertutur dengan lancar dan spontan dan menghadapi kekurangan kosa kata dalam BM. Hasil tinjauan dan perbincangan yang direkodkan dalam laporan MOE pada tahun 2011 menunjukkan bahawa terdapat kemerosotan penggunaan BM dalam kalangan pelajar daripada keluarga yang kerap menggunakan bahasa Melayu sahaja di rumah. Peningkatan penggunaan Bahasa Inggeris berbanding BM menjadikan pelajar lemah dari segi penguasaan kosa kata dan struktur ayat BM yang sesuai (MOE, 2010).




Trend peningkatan penggunaan bahasa Inggeris dan penurunan penggunaan BM dalam kalangan pelajar termasuk para pelajar di sekolah-sekolah semakin ketara. Hal ini dibuktikan oleh hasil tinjauan terhadap penggunaan bahasa pelajar dari tahun 1980 hingga tahun 2020 oleh Department of Statistics Singapore (2020). Rajah 3 di bawah ini menunjukkan bahawa peratusan penggunaan BM di rumah merosot dari 97.7 peratus pada tahun 1980 ke 60.7% pada tahun 2020. Penggunaan Bahasa Inggeris pula meningkat dari 2.3% pada tahun 1980 ke 39% pada tahun 2020.



Rajah 1.3

Bahasa Yang Paling Kerap Digunakan di Rumah (Melayu)



Sumber: Department of Statistics Singapore, 2020.

Maklumat yang terdapat dalam Rajah 1.3 menunjukkan bahawa penggunaan Bahasa Inggeris yang semakin dominan menjadi salah satu faktor utama yang menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran untuk bertutur secara interaktif. Hal ini sejajar dengan dapatan kajian Roksana (2013) yang menunjukkan bahawa pengaruh Bahasa Inggeris amat menebal dalam jiwa setiap pelajar di Singapura kerana Bahasa Inggeris dikaitkan dengan kejayaan akademik dan untuk kerjaya. Oleh itu, ramai ibu bapa dan pelajar yang beranggapan bahawa BM tidak sepenting Bahasa Inggeris. Pendapat ini disokong oleh Chew (2016) yang mengatakan bahawa BM dianggap tidak penting dan sekadar bahasa perhubungan yang digunakan secara santai. Menurut Yunus dan Nor Shaid (2023) masalah pembelajaran dan penguasaan kemahiran bertutur terjadi berpunca daripada beberapa faktor yang tidak boleh dielakkan. Murid-murid yang hidup dalam persekitaran yang mengamalkan bahasa asing sebagai bahasa pertama akan memberikan masalah untuk mereka menguasai BM sebagai bahasa kedua



tanpa sokongan ahli keluarga dan persekitaran mereka. Penggunaan Bahasa Inggeris secara berleluasan boleh mengakibatkan generasi muda zaman sekarang tidak berminat untuk belajar BM. Sehubungan dengan trend penggunaan bahasa di Singapura, Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Hsien Loong menggesa masyarakat yang lebih mengutamakan Bahasa Inggeris seperti di Singapura, agar gigih berusaha untuk menyediakan persekitaran yang menggalakkan rakyat menggunakan bahasa ibunda sedapat mungkin (Zhuo, 2019).

Di samping itu, terdapat ramai warga asing yang bermastautin di Singapura atas pelbagai tujuan. Kemasukan warga asing juga turut mewujudkan kerencaman terhadap profil pelajar yang belajar BM sebagai bahasa ibunda. Kriteria bagi mengambil subjek BM sebagai bahasa ibunda bukan lagi berdasarkan kumpulan etnik pelajar. Kini, sesiapa sahaja boleh mengambil BM sebagai mata pelajaran bahasa ibunda mereka. Sebagai contoh, pelajar dari Filipina dan Malayali dari India dibenarkan mengambil BM. Selain itu, kerencaman profil pelajar ditambah dengan adanya trend perkahwinan campur dalam kalangan rakyat Singapura. Hal ini menyukarkan lagi usaha untuk mengkategorikan bahasa ibunda pelajar. Oleh itu, anak-anak hasil daripada perkahwinan campur dibenarkan untuk belajar BM sekiranya BM dipilih sebagai bahasa ibunda untuk dipelajarinya. Kebanyakan pelajar daripada kumpulan ini tidak mempunyai asas dalam BM. Mereka tidak boleh bertutur atau memahami BM. Mereka mengambil BM sebagai syarat untuk lulus dalam peperiksaan dan memenuhi dasar kedwibahasaan sahaja. Akhirnya, guru-guru terpaksa mengajar BM dengan menggunakan bahasa Inggeris untuk membantu pelajar-pelajar memahami BM dengan lebih baik (MOE, 2010). Para guru terpaksa berhadapan dengan pelajar-pelajar yang tidak boleh bertutur BM malahan ada pelajar juga yang kurang berminat akan BM.





Keadaan ini diburukkan lagi dengan kurangnya sokongan ibu bapa dalam pembelajaran bahasa Melayu di sekolah (MOE, 2010) dan faktor penekanan terhadap Bahasa Inggeris yang turut menjadikan pembelajaran BM kurang diberikan perhatian oleh para pelajar dan ibu bapa.

Memandangkan penggunaan Bahasa Inggeris semakin meningkat dalam kalangan pelajar dan hal ini boleh memberikan impak terhadap pemerolehan dan penguasaan bahasa pelajar, pihak sekolah harus memainkan peranan yang lebih aktif dan proaktif dalam pelaksanaannya. Persekitaran yang lebih kondusif dan menggalakkan perlu diwujudkan agar pelajar mempunyai lebih banyak peluang menggunakan bahasa ibunda. Menurut Cevallos et al. (2017), pelajar harus diberi peluang untuk bertutur bahasa sasaran kerana pembelajaran bahasa akan menjadi lebih berkesan jika pelajar melibatkan diri secara aktif dan menggunakan bahasa sasaran.

Berdasarkan laporan tinjauan dan pemantauan yang dijalankan oleh MOE (2010), didapati trend ini menjejaskan kebolehan para pelajar Melayu untuk berkomunikasi dalam BM khususnya dalam pertuturan seharian yang melibatkan pertuturan secara dua hala. Para pelajar mengalami kepayahan untuk memberikan respons atau memberikan tindak balas semasa diajukan soalan secara spontan atau ketika dalam aktiviti yang melibatkan perbincangan atau perbualan. Para pelajar juga tidak lancar dan spontan semasa berkomunikasi menggunakan BM. Trend ini dikhuatiri akan berlanjutan dan memberikan impak yang serius kepada pemerolehan BM pelajar khususnya dalam kemahiran bertutur secara dua hala. Oleh yang demikian, salah satu langkah yang diambil oleh MOE adalah dengan memberikan penekanan pada kemahiran interaksi pertuturan dalam kurikulum yang disemak semula. Jawatankuasa





Semakan Kurikulum, mendapati bahawa pembelajaran bahasa akan lebih berkesan apabila para pelajar diajar menggunakan bahasa secara aktif dan interaktif dalam pelbagai latar kehidupan yang sebenar termasuklah menggunakan bahasa untuk mempelajari budaya bahasa tersebut (MOE, 2010). Oleh itu, kajian ini berhasrat untuk menilai keberkesanan pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan yang diberikan penekanan dalam kurikulum sekolah menengah di Singapura hasil pelaksanaan sukatan pelajaran dan buku teks 'Jauhari' pada tahun 2011. Setelah dilaksanakan pada tahun 2011, adalah penting untuk menjalankan kajian terhadap hala tuju ini untuk memastikan pelaksanaannya berjalan di landasan yang betul dan memenuhi objektif pelaksanaan seperti yang dihasratkan oleh Jawatankuasa Semakan.

Tambahan pula hasil pemantauan yang dijalankan oleh Unit Bahasa Melayu, MOE pada tahun 2015 ke atas pelaksanaan kurikulum baharu ini khususnya penggunaan interaksi pertuturan dalam kalangan pelajar masih menunjukkan hasil yang kurang memuaskan. Laporan pemantauan merekodkan bahawa "Interaksi antara pelajar dalam kelas BM amat kurang. Para pelajar tidak berinteraksi dengan baik dalam kerja berkumpulan dan hanya akan melibatkan diri setelah diminta atau disuruh oleh guru. Para pelajar enggan untuk berinteraksi walaupun peluang untuk berinteraksi diberikan semasa kerja berpasangan. Walaupun para pelajar fokus pada tugas yang diberikan, semasa sesi perbincangan, mereka tidak berbincang, sebaliknya mereka cuba menjawab soalan-soalan yang terdapat dalam buku aktiviti dan hanya bekerja secara sendiri untuk menyiapkan bahagian bagi persembahan mereka. Pencerapan kelas juga mendapati bahawa terdapat kurang interaksi antara guru dengan pelajar. Guru bercakap pada kebanyakan masa dan hanya berinteraksi dengan para pelajar yang duduk berdekatan guru. Guru didapati memulakan pelajaran sebelum para pelajar bersedia.





Dalam beberapa kelas, guru kurang menggalakkan pelajar untuk bertanyakan soalan. Guru kelihatan tergesa-gesa untuk menghabiskan pelajaran yang dirancang pada hari itu (MOE, 2015, ms. 9)”.

Bagi menayakan dan menyokong pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan di peringkat sekolah menengah, pihak MOE membina dan menyediakan pelbagai aktiviti dan tugas dalam buku teks dan buku aktiviti. Bahan-bahan yang disediakan ini bertujuan untuk memberikan lebih banyak peluang kepada para pelajar menggunakan BM secara aktif. Bengkel-bengkel untuk membimbing para guru melaksanakan pengajaran yang efektif dalam bilik darjah juga dijalankan. Namun, tidak semua guru yang mengajar di peringkat sekolah menengah menghadiri bengkel yang dijalankan. Menurut pemantauan yang dijalankan, hanya kurang daripada 60 peratus guru sekolah menengah yang menghadiri bengkel-bengkel yang dijalankan oleh MOE (MOE, 2015). Menurut Zaifoglu et al. (2020), guru perlu mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk menyampaikan, mengumpul dan memberikan maklum balas kepada pelajar dengan menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai. Oleh itu, kejayaan sesuatu perubahan dan saranan dalam sesebuah kurikulum bergantung pada kesediaan, pengetahuan dan kecekapan guru untuk melaksanakannya. Jika para guru tidak disediakan dengan kecekapan atau kemahiran, hal ini dikhuatiri akan menjejaskan pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan secara efektif di sekolah-sekolah. Badugela (2011) dan Pak, et al. (2020) juga mengatakan bahawa untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan kurikulum, setiap guru perlu memahami dan dapat mentafsirkan kehendak kurikulum dengan baik. Dapatan ini turut dibuktikan dalam kajian Cheung & Wong (2011); Muhamad Sinwan (2014); McLachlan, et al. (2018) dan Sofyan Iskandar et al. (2023) yang mengatakan bahawa faktor penghalang bagi





pelaksanaan sesebuah kurikulum ialah kurangnya pemahaman guru tentang kurikulum dan kurangnya sokongan guru terhadap pelaksanaannya.

Oleh itu, penyelidik berhasrat untuk melakukan kajian penilaian terhadap pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan yang dilaksanakan pada tahun 2011. Tambahan pula, setelah kemahiran ini dilaksanakan di sekolah-sekolah sejak tahun 2011, belum terdapat sebarang kajian yang menyeluruh atau secara terperinci untuk menilai pelaksanaan kemahiran interaksi ini di peringkat sekolah selain pemantauan biasa. Kajian ini dijalankan untuk menilai pelaksanaan kemahiran ini bagi mengukur keberkesanan pelaksanaannya, mengetahui keprihatinan para guru yang mengajar dan tahap pencapaian objektif pelaksanaannya dan hasil yang diharapkan. Seterusnya beberapa pembaikan boleh disarankan kepada pihak penggubal dan pembina kurikulum dan bahan pengajaran serta latihan guru bagi mempertingkatkan usaha dan keupayaan setiap yang terlibat dalam melaksanakan kemahiran interaksi pertuturan di sekolah-sekolah. Maklumat yang diperoleh daripada kajian ini juga boleh dijadikan panduan untuk memperbaiki semua aspek yang berkaitan dengan pelaksanaan kemahiran ini. Oleh yang demikian, penilaian terhadap pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan yang menjadi tumpuan dalam kajian ini amat penting dan perlu dilakukan.

Penilaian yang teliti ke atas pelaksanaan kurikulum yang ada ini perlu sebagaimana yang ditegaskan oleh Marsh (2004) bahawa penilaian kurikulum ialah satu proses untuk meneliti atau menyemak objektif, rasional dan struktur kurikulum. Pawilen (2019) pula berpendapat bahawa penilaian kurikulum perlu dilakukan untuk menilai sesebuah kurikulum dari segi filosofi, matlamat, objektif, kandungan pengalaman pembelajaran dan penilaian. Oleh itu, proses penilaian ini dilakukan untuk





mengenal pasti kekuatan sesebuah kurikulum yang sedia ada atau kurikulum yang sedang dibangunkan agar pembaikan dapat dilakukan terhadap kurikulum tersebut. Keputusan penilaian digunakan sebagai satu cara untuk menilai, mengawasi, memperbaharui atau menambahbaikkan kurikulum secara berterusan.

Kajian ini menggunakan Model Penilaian CIPP oleh Stufflebeam & Shinkfield (2003) sebagai satu usaha dan tindakan yang sistematik dalam mengumpulkan maklumat-maklumat serta data-data kajian untuk tujuan menilai kualiti program secara menyeluruh dan berperanan sebagai proses yang akan bertindak dalam penambahbaikan kurikulum dan pelaksanaannya. Antara penyelidik yang menggunakan model penilaian CIPP ini ialah Azhar (2020) yang menjalankan kajian terhadap pelaksanaan kurikulum 2013 Madrasah Tsanawiyah Negeri 2 Kapuas. Seorang pengkaji lagi, Al-Shanawani (2019) menjalankan satu kajian untuk menilai kurikulum pembelajaran sendiri sebuah tadika di Arab Saudi dengan menggunakan Model CIPP. Penyelidik, Dehkordi & Talebinezhad (2018) menjalankan kajian yang bertujuan untuk menilai keberkesanan program tatabahasa sekolah menengah melalui perspektif pengajar dan pelajar. Satu lagi kajian yang dijalankan menggunakan model penilaian CIPP ialah kajian oleh Ismail (2019). Beliau menjalankan satu penilaian terhadap Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pendidikan Islam. Lawler (2018) juga menggunakan model penilaian CIPP untuk menjalankan kajian bertajuk '*Evaluation and Implementation of an After-School Program for Elementary School Students*'. Tujuan program berasaskan bahasa selama 20 minggu yang diadakan selepas waktu sekolah di pusat bahasa tempatan adalah untuk membina kemahiran kognitif bahasa sekumpulan para pelajar Hawaii.





Kajian-kajian yang dijalankan oleh para pengkaji ini menunjukkan bahawa ada keperluan bagi penyelidik agar menjalankan kajian yang serupa ke atas pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan dalam kurikulum BM di sekolah-sekolah menengah di Singapura mentelah lagi pengajaran kemahiran interaksi pertuturan ini diberikan penekanan yang lebih dalam pelaksanaan kurikulum yang disemak semula pada tahun 2011.

Kajian yang dijalankan ini juga ingin mengenal pasti dan menilai kekuatan dan kelemahan pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan ini. Diharapkan dengan maklumat yang diperoleh ini, saranan-saranan pembaikan terhadap pelaksanaan kemahiran ini sama ada dari aspek konteks, input, proses atau produk dapat dilakukan. Maklumat ini juga diharap membolehkan pihak yang terlibat dalam perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan inovasi kurikulum merangka perancangan jangka pendek dan jangka panjang yang strategik yang perlu dilaksanakan dalam mewujudkan pelaksanaan kurikulum kemahiran interaksi pertuturan yang lebih berkesan.

Sejak kemahiran interaksi pertuturan dilaksanakan di sekolah-sekolah pada tahun 2011, masih belum terjumpa kajian yang dilakukan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan ini. Tidak diketahui setakat mana pelaksanaan bahan dan aktiviti sebenarnya membolehkan atau menggalakkan para pelajar menggunakan BM secara aktif. Setakat ini, belum juga diketahui sama ada tumpuan yang diberikan terhadap pengajaran kemahiran interaksi pertuturan ini mencukupi untuk membantu pelajar mempertingkatkan penguasaan mereka dalam bahasa khususnya dalam kemahiran interaksi. Oleh sebab tidak semua guru yang dilatih melalui bengkel, perlu juga dikaji sama ada pelaksanaan dalam bilik darjah dijalankan





secara efektif dan seperti yang dicadangkan dalam kurikulum yang baharu. Tambahan pula hasil pemantauan yang dijalankan oleh Unit Bahasa Melayu, MOE mendapati bahawa hasil pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan masih tidak memuaskan. Oleh itu, penyelidik merasa perlu dijalankan satu kajian khusus terhadap pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan ini untuk mengetahui, menilai dan mengukur impak perkara-perkara yang dinyatakan lebih awal. Oleh itu kajian dijalankan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahannya. Maklumat ini akan menggambarkan keadaan sebenar pelaksanaan dan keberkesanannya. Keprihatinan dari segi pelaksanaan bagi pihak para guru juga dapat dikenal pasti. Seterusnya satu daftar yang mengandungi beberapa usul bagi penambahbaikan akan dikemukakan agar pembaikan dapat dilakukan untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaannya dan seterusnya membuah hasil yang hendak dicapai. Akhirnya berdasarkan dapatan daripada kajian ini, satu bentuk senarai semak bagi pelaksanaan kurikulum kemahiran dihasilkan agar dapat membantu pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan dengan lebih lancar dan berjaya serta lebih menjamin kejayaan dan penguasaan kemahiran ini dalam kalangan pelajar yang mengikuti kurikulum yang digunakan.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang diterangkan lebih awal, kajian yang dijalankan bertujuan untuk menilai pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan dalam kurikulum Bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah di Singapura yang telah dilaksanakan pada tahun 2011. Kajian ini dapat memberikan gambaran sebenar yang berlaku dalam beberapa aspek pelaksanaan dengan mengenal pasti kekuatan dan kelemahannya antaranya ialah persepsi guru tentang pelaksanaan ini, proses pelaksanaan kemahiran





ini di dalam kelas, sokongan dari segi latihan guru, bahan-bahan pengajaran yang disediakan, keprihatinan guru dan respons pelajar terhadap pelaksanaannya dan hasil yang diperoleh sejak kemahiran ini dilaksanakan. Seterusnya beberapa cadangan diusulkan bagi penambahbaikan pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan agar lebih berkesan dan mencapai matlamatnya.

Secara terperinci, kajian ini menggunakan Model Penilaian CIPP oleh Stufflebeam, & Shinkfield (2003). Kesemua komponen yang terdapat dalam model CIPP, iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk digunakan dalam kajian ini. Yang berikut ialah perincian bagi setiap komponen:

1. Penilaian konteks menilai kerelevanan kemahiran interaksi pertuturan, persepsi guru, penilaian sendiri guru dan pelajar.
2. Penilaian input menilai peruntukan masa pengajaran, kandungan/aktiviti kemahiran interaksi pertuturan dalam buku teks dan buku aktiviti, dan bahan bantu mengajar (BBM) yang disediakan.
3. Penilaian proses menilai strategi dan teknik pengajaran, penekanan pengajaran kemahiran interaksi pertuturan; penggunaan BBM dalam pengajaran, aktiviti pengajaran dan teknik penilaian kemahiran interaksi pertuturan.
4. Penilaian produk menilai penguasaan pelajar dalam kemahiran interaksi pertuturan.

Berdasarkan dapatan yang dihasilkan melalui kajian ini, satu gambaran yang jelas tentang keberkesanan pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan dapat





dihasilkan. Maklumat yang diperoleh boleh digunakan oleh penyelidik dalam menghasilkan satu panduan berbentuk senarai Semak. Senarai Semak ini boleh digunakan sebagai panduan dalam pembinaan dan pelaksanaan sukatan pelajaran, pembinaan bahan-bahan pengajaran, strategi dan teknik pengajaran, aktiviti yang disediakan dan teknik penilaian serta latihan guru bagi mempertingkatkan pelaksanaan kemahiran ini di sekolah-sekolah dan seterusnya mencapai objektif pelaksanaannya.

1.5 Soalan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah untuk menjawab soalan-soalan kajian yang juga terbahagi kepada empat komponen penting dalam Model Penilaian CIPP berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan lebih awal. Soalan kajian yang dimaksudkan adalah:



a Penilaian Konteks

- i. Apakah kemahiran interaksi pertuturan dalam kurikulum Bahasa Melayu masih relevan kepada keperluan di Singapura?
- ii. Apakah persepsi guru terhadap kemahiran interaksi pertuturan?
- iii. Apakah penilaian sendiri kemahiran interaksi pertuturan guru?
- iv. Apakah penilaian sendiri kemahiran interaksi pertuturan pelajar?

b Penilaian Input

- i. Apakah jumlah peruntukan masa pengajaran kemahiran interaksi pertuturan mencukupi?



- ii. Bagaimanakah kandungan kemahiran interaksi pertuturan dalam buku teks?
- iii. Apakah BBM yang disediakan untuk menyokong pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan?

c Penilaian Proses

- i. Apakah jenis strategi pelaksanaan pengajaran interaksi pertuturan digunakan dalam kelas?
- ii. Apakah teknik pengajaran kemahiran interaksi pertuturan yang digunakan?
- iii. Bagaimanakah aktiviti kemahiran interaksi pertuturan dijalankan?
- iv. Bagaimanakah penggunaan BBM dalam pengajaran kemahiran interaksi pertuturan?
- v. Apakah penekanan dalam pengajaran kemahiran interaksi pertuturan?
- vi. Bagaimanakah penilaian kemahiran interaksi pertuturan dijalankan?

d Penilaian Produk

- i. Bagaimanakah penguasaan kemahiran interaksi pertuturan para pelajar sekolah menengah yang menggunakan kurikulum yang disemak semula?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini penting bagi menilai keberkesanan pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan yang dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah di Singapura



sejak tahun 2011. Dengan menilai pelaksanaannya melalui empat komponen dalam model penilaian CIPP, kajian ini memberikan gambaran yang menyeluruh tentang keberkesannya dan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelaksanaan tersebut.

Pelaksanaan yang dinilai dalam aspek konteks dengan memfokuskan kepada guru sebagai pelaksana kurikulum memberikan gambaran yang sebenar tentang persetujuan guru mengenai matlamat, objektif dan hasil pembelajaran interaksi pertuturan serta pandangan mereka tentang kurikulum yang dilancarkan. Hal ini membuktikan sama ada kurikulum yang dianjurkan dalam sistem pendidikan nasional ini relevan atau tidak dengan keperluan interaksi pertuturan BM dalam masyarakat majmuk di Singapura.

Kajian ini juga menilai penilaian sendiri guru dan pelajar sebagai dua pihak penting yang terlibat langsung dalam proses menerima dan melaksanakan kurikulum yang telah dirancang, digubal dan dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah di Singapura. Penilaian juga dilakukan ke atas peruntukan masa kurikulum bagi pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan dan penyediaan BBM sebagai bahan sokongan untuk kegunaan para guru dalam pelaksanaannya dalam bilik darjah.

Dalam aspek penilaian proses pula keutamaan penilaian difokuskan pada bagaimana proses pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan dilaksanakan dengan menilai strategi dan teknik yang digunakan oleh guru, aktiviti yang dijalankan dalam pengajaran dan pembelajaran dan tahap penggunaan BBM serta penilaian kemahiran interaksi pertuturan dijalankan. Selain itu, penguasaan kemahiran interaksi pertuturan para pelajar yang telah mengikuti kurikulum ini juga dinilai.





Kajian yang dijalankan adalah untuk mengenal pasti kekuatan dan kekurangan yang berlaku dalam pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan melalui aspek konteks, input, proses dan produk. Kekuatan yang terdapat dalam kurikulum ini perlu dikenal pasti agar diketahui kekuatan sebenar kurikulum yang ada dan dapat memaksimumkan kekuatan ini untuk memastikan pelaksanaannya membuahkan hasil yang diinginkan. Mengenal pasti kekurangan atau kelemahan kurikulum ini juga penting dan memberikan peluang kepada penyelidik untuk menyarankan cara atau tindakan yang diperlukan untuk meningkatkan pelaksanaan kemahiran ini dengan segera supaya kejayaan pelaksanaan kurikulum ini dapat dimaksimumkan. Dapatan daripada kajian ini dan senarai semak yang dibina boleh dikongsikan dengan pihak yang berkepentingan dalam pendidikan khususnya pihak MOE Singapura, penggubal kurikulum, pembina bahan pengajaran dan pembelajaran, guru BM, pentadbir sekolah, penyelidik dan institusi seperti Pusat Bahasa Melayu dan Institut Pendidikan Nasional (NIE) yang menjalankan latihan untuk guru pelatih dan guru dalam perkhidmatan, Majlis Bahasa Singapura (MBS), Persatuan Guru-guru Bahasa Melayu (PGBM), Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura (KGMS) dan *Singapore Examination and Assessment Board* (SEAB), badan yang mengendalikan peperiksaan dan penilaian di peringkat nasional di Singapura.

1.7 Limitasi Kajian

Kajian ini terbatas kepada penilaian pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan sahaja yang dinyatakan dalam kurikulum dan dokumen rasmi BM dengan merujuk kepada objektif dan penerangan yang terdapat dalam sukatan pelajaran serta dokumen rasmi bagi kemahiran ini. Kajian ini tidak memfokuskan pada kemahiran-kemahiran bahasa





yang lain, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis dan interaksi penulisan.

Kajian ini juga hanya melibatkan guru-guru dan para pelajar peringkat menengah 3 di sekolah-sekolah menengah di Singapura. Para pelajar yang terlibat ialah para pelajar yang mengambil BM Kursus Ekspres. Kumpulan pelajar ini mewakili jumlah majoriti para pelajar yang mengambil BM sebagai bahasa ibunda atau bahasa kedua. Para pelajar menengah 3 juga dipilih kerana mereka telah menggunakan buku teks dan buku aktiviti yang dibina berdasarkan kurikulum yang baharu sejak di peringkat menengah 1. Oleh itu, diharapkan para pelajar yang terlibat dapat memberikan respons yang diharapkan. Pembatasan ini juga dibuat kerana kekangan pengurusan dan had waktu yang dihadapi penyelidik. Oleh itu maklumat yang didapatkan daripada kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pelajar di sekolah rendah atau di sekolah menengah kerana kajian yang dijalankan ini adalah khusus kepada konteks kajian dan bukan bertujuan untuk membuat kesimpulan secara umum.

Aspek kajian hanya mengambil kira empat komponen penilaian yang disarankan dalam Model CIPP, iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk. Hal ini bukanlah bermakna bahawa penyelidik tidak mementingkan aspek lain tetapi hanya memberikan tumpuan pada aspek-aspek yang disenaraikan dalam Model Penilaian CIPP yang menjadi pegangan atau rujukan penyelidik dalam perancangan kajian, pelaksanaan dan peringkat penulisan kajian yang dijalankan.





1.8 Definisi Operasional Kajian

Definisi operasional bagi beberapa istilah dalam kajian ini perlu diterangkan secara terperinci. Definisi operasional adalah perlu kerana definisi secara umum berbeza dengan definisi dalam kajian ini kerana ia berbentuk khusus dan boleh diukur (Noah, 2003). Bahagian ini mengajukan beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Hal ini membolehkan penyelidik mempunyai kefahaman dan pengertian yang jelas sebagai pegangan bagi setiap perkara yang dibincangkan dalam kajian ini.

a Kurikulum

Menurut Doll (1995), kurikulum secara amnya dianggap sebagai meliputi semua pengalaman yang dimiliki oleh pelajar di bawah naungan sekolah. Menurut Gay (1997), definisi konsep kurikulum perlu diluaskan dengan memasukkan keseluruhan budaya sekolah - bukan hanya kandungan mata pelajaran sahaja. Pendapat ini sejajar dengan sekumpulan penyelidik kontemporari, iaitu Marsh (2004), Marsh & Wills (2007) dan Armstrong (2009) yang mengakui bahawa kurikulum sebagai satu set rancangan dan pengalaman yang berkaitan yang dialami atau dilalui pelajar di bawah bimbingan pihak sekolah. Parkay et al. (2010) memberikan definisi kurikulum sebagai semua pengalaman pendidikan bagi pelajar yang terdapat dalam program pendidikan yang bertujuan untuk mencapai objektif umum dan objektif khusus yang dibina berdasarkan kerangka teori dan kajian, praktis profesional masa lalu dan kini dan perubahan dari segi keperluan masyarakat'. *Association for Supervision and Curriculum Development* (ASCD, 2019) mengatakan bahawa kurikulum ialah rancangan yang dibuat untuk membimbing pembelajaran di sekolah, biasanya terdapat dalam dokumen dan





merealisasikan rancangan tersebut di dalam bilik darjah, seperti yang dialami oleh pelajar dan seperti yang direkodkan oleh pemerhati; pengalaman tersebut berlaku dalam persekitaran pembelajaran yang turut mempengaruhi apa yang dipelajari oleh pelajar. Tunnell (2022) pula mendefinisikan kurikulum sebagai satu set teknik pengajaran, pengalaman pembelajaran, dan penilaian prestasi pelajar yang direka bentuk untuk menyampaikan dan menilai secara berkesan objektif pembelajaran sesuatu kursus. Peta kurikulum yang dirancang dengan baik boleh memberikan impak yang besar kepada kemajuan pelajar dan kualiti guru. Kurikulum berkualiti tinggi juga membawa kepada pengekalan guru kerana ia menyediakan sokongan yang ketara kepada pengajaran harian bilik darjah dan mengurangkan jumlah masa yang digunakan untuk merancang pengajaran.



Daripada definisi yang diberikan di atas dapatlah disimpulkan bahawa



kurikulum ialah sesuatu kandungan mata pelajaran, kemahiran atau pengalaman yang dirancang yang hendak diajarkan atau yang akan dialami oleh para pelajar. Kemahiran dan pengalaman ini diperoleh menerusi pelbagai mata pelajaran, pelbagai pilihan disiplin ilmu pengetahuan, pelbagai rumusan masalah tentang kehidupan seharian dan pelbagai cara penyusunan. Kurikulum ini dirancang atau ditentukan bagi menyediakan kesempatan atau peluang dan membimbing para pelajar menimba dan memperoleh ilmu dan pengalaman yang diinginkan berdasarkan objektif tertentu kurikulum tersebut.

Dalam kajian yang dijalankan ini, kurikulum merujuk kepada pengajaran dan pembelajaran kemahiran interaksi pertuturan peringkat sekolah menengah. Ini termasuklah objektif dan proses pelaksanaannya, aktiviti yang disediakan, strategi dan





teknik yang digunakan, bahan-bahan sokongan dan penilaian yang dijalankan untuk mengukur pencapaian pelajar sasaran.

b Penilaian Kurikulum

Menurut Marsh (2004) penilaian kurikulum ialah satu proses untuk meneliti atau menyemak objektif, rasional dan struktur kurikulum. Menurut Pawilen (2019) pula, peringkat penting dalam penciptaan kurikulum ialah penilaian kurikulum. Kurikulum yang dilaksanakan perlu dinilai sama ada kurikulum tersebut sudah mencapai objektifnya. Dalam mana-mana kurikulum sama ada akademik atau tidak, penilaian ialah satu pertimbangan yang sangat penting untuk kehidupan sesebuah organisasi. Tanpanya kekuatan, kelemahan atau kejayaan sesebuah organisasi tidak dapat dinilai atau diukur. Pawilen meringkaskan pernyataan ini dengan mengatakan bahawa penilaian berfungsi untuk memberi nilai atau membuat pertimbangan.

Kesimpulannya, penilaian kurikulum ialah kaedah untuk menentukan nilai dan keberkesanan mana-mana kurikulum yang dilaksanakan. Penilaian sebegini memastikan bahawa program memenuhi keperluan masyarakat dan keperluan pelajar, manakala cabaran pula menggalakkan keperluan dan penciptaan kaedah dan idea baharu. Selain itu, penilaian kurikulum boleh menambah baik kaedah pengajaran dan menilai pembelajaran pelajar. Penilaian kurikulum juga boleh memberikan manfaat kepada beberapa pihak yang berkepentingan dalam pendidikan seperti pembina sukatan pelajaran dan bahan-bahan pengajaran, guru, pihak pengurusan sekolah, ibu bapa, masyarakat dan institusi serta organisasi tertentu.





c Kemahiran Interaksi Pertuturan

Kemahiran ini merujuk kepada kemahiran berkomunikasi *interpersonal*. Ini melibatkan penggunaan bahasa yang ‘*reciprocal*’ kerana lebih daripada seorang pengguna bahasa terlibat secara langsung dalam situasi di mana sesuatu bahasa itu digunakan. Dalam situasi kehidupan sebenar komunikasi memerlukan interaksi dua hala secara spontan (seperti mendengar dan memberikan respons secara lisan semasa perbualan). Michael Long dalam kertas kerjanya yang berjudul ‘*The Role of the Linguistic Environment in Second Language Acquisition*’ pada 1996, mengemukakan teori yang dinamakan *Interaction Hypothesis*. Long mengatakan bahawa salah satu cara yang paling efektif untuk mempelajari bahasa yang baharu adalah melalui interaksi secara peribadi dan secara langsung atau interaksi bersemuka (*face-to-face interaction*). Interaksi antara pelajar contohnya antara pelajar bahasa kedua dengan penutur jati perlu berlaku supaya pelajar tersebut boleh mempelajari bahasa yang dipelajarinya dalam keadaan yang autentik atau keadaan yang sebenar. Dengan ini, pelajar tersebut bukan sahaja belajar bahasa itu tetapi juga nuansa dan ‘*nonverbal cues*’ bagi kosa kata bahasa yang dipelajarinya. Pendapat ini sejajar dengan Swain (1995) yang menyatakan bahawa semasa dalam komunikasi para pelajar akan cuba mencari kosa kata yang diperlukan apabila mereka berasa ada jurang antara perkara yang diketahui dan perkara yang tidak diketahui mereka. Kesedaran secara kognitif ini akan membantu pelajar menjana pengetahuan linguistik baharu yang diperlukan untuk meneruskan komunikasi dan secara tidak langsung mengukuhkan lagi pengetahuan sedia ada mereka.

Dalam sesuatu perbualan jika seseorang penutur tidak faham sesuatu perkataan yang dituturkan oleh pihak lain, dia akan meminta penjelasan daripada pihak tersebut. Proses untuk memahamkan penutur yang tidak faham ini dipanggil ‘*modification*





output'. Penutur tersebut akan menggunakan '*communicative strategies*' untuk meneruskan komunikasi. Menurut Ellis (2009), semasa berkomunikasi pelajar sebenarnya sedang mengukuhkan kelancaran dan kespontanan dalam mengekspresikan pandangan ketika mereka menggunakan bahasa atau output yang secara langsung membina input secara automatik. Kajian yang dijalankan oleh De Le Fuente (2002), Izumi & Bigelow (2000),) dan Izumi (2003) menyokong pandangan bahawa dalam *hipotesis output*, peluang menggunakan bahasa membantu pelajar dalam pemerolehan dan penguasaan bahasa sasaran.

d Bahasa Melayu Kursus Ekspres

Kurikulum Bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah di Singapura dibina dengan menyediakan beberapa aliran atau kursus, iaitu Kursus Bahasa Melayu Lanjutan, Kursus Ekspres, Kursus Normal (Akademik), Kursus Bahasa Melayu Asas atau Kursus Normal (Teknikal) dan Bahasa Melayu 'B'. Para pelajar yang mengambil Bahasa Melayu Kursus Ekspres mewakili pelajar majoriti yang mengambil Bahasa Melayu di Singapura. Pelajar belajar Bahasa Inggeris dan bahasa ibunda, serta Matematik, Sains dan Kemanusiaan (dengan Pengajian Sosial) sebagai mata pelajaran wajib, bersama mata pelajaran elektif pilihan mereka. Mereka akan belajar selama 4 tahun sebelum menduduki peperiksaan kertas Bahasa Melayu GCE Peringkat Biasa. Penyaluran ke pelbagai kursus ini ditentukan oleh pencapaian para pelajar dalam Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah atau '*Primary School Leaving Examination*' (PSLE).





e **Komponen dalam Model Penilaian CIPP**

Model penilaian CIPP mengandungi empat komponen, iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk. Penilaian konteks bertujuan untuk mengenal pasti tujuan atau objektif kurikulum serta kerelevanan pelaksanaan kurikulum yang dijalankan. Penilaian input pula bertujuan untuk mengenal pasti sumber yang ada dalam proses pelaksanaan kurikulum seperti buku teks, buku aktiviti, strategi alternatif program yang boleh dipertimbangkan dan perancangan yang didapati mempunyai potensi bagi memenuhi reka bentuk dan prosedur program. Penilaian proses memberikan tumpuan kepada pelaksanaan, strategi dan teknik pengajaran yang dapat membantu para guru melaksanakan aktiviti termasuklah interaksi antara pelajar dengan guru, penglibatan guru dalam pengajaran dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran dan perkara lain yang berhubung dengan pengajaran. Akhir sekali, penilaian produk dilakukan dengan tujuan untuk mengenal pasti dan menilai hasil daripada pelaksanaan program atau kurikulum tersebut, iaitu penilaian ke atas pencapaian yang diperoleh oleh program itu, secara jangka pendek atau panjang. Penilaian produk ini adalah untuk membantu para guru fokus dalam mencapai hasil yang penting dan akhirnya untuk membantu kumpulan pengguna yang lebih besar mengukur usaha bagi memenuhi sasaran yang diperlukan (Stufflebeam, 2003). Mertens & Wilson (2011) berpendapat bahawa penilaian produk menilai kesan positif dan negatif program terhadap kumpulan sasaran.





1.9 Rumusan

Penilaian kurikulum merupakan satu proses penting yang berupaya untuk menentukan kejayaan pelaksanaan sesuatu kurikulum. Pelaksanaan yang terancang dan teratur boleh menghasilkan kejayaan bagi pelaksanaan sesuatu inisiatif dalam pendidikan. Oleh itu, bab ini telah mengemukakan penjelasan awal kajian yang dijalankan terhadap pelaksanaan kemahiran interaksi pertuturan dalam kurikulum BM di sekolah-sekolah menengah di Singapura. Penjelasan awal ini juga menerangkan latar belakang, objektif, pernyataan masalah yang mendorong kajian ini dijalankan, soalan kajian berdasarkan komponen-komponen yang terdapat dalam Model Penilaian CIPP, kepentingan kajian dan juga limitasi kajian. Definisi operasional istilah-istilah penting yang digunakan dalam kajian ini juga diterangkan dan boleh bertindak sebagai panduan bagi setiap perbincangan dalam kajian ini.

